SAMPEL PERCUMA

Modul PINTAS 2024 Prinsip Perakaunan Tingkatan 5 (Selangor) + Skema

Set penuh: Kertas Trial SPM

Prinsip Perakaunan (40+ set)

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- Folder Google Drive · Perakaunan 40+ set

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

NAMA ..... TINGKATAN .....

MODUL PINTAS 2024
TINGKATAN 5 3756/1

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

1 jam 15 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

3 7 5 6 1

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi* **40** *soalan.*

2. *Jawab* **semua** *soalan.*

3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu* **A**, **B**, **C** *dan* **D**. *Bagi setiap soalan, pilih* **satu** *jawapan sahaja.* **Hitamkan** *jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

---

7 Akaun berikut diperoleh daripada Kedai Elektrik Mooi.

Akaun Lengkapan

	RM
Perniagaan Lim	2 500

Perniagaan Lim

		RM
	Lengkapan	2 500

Apakah urus niaga bagi akaun tersebut?

A Membeli rak pameran daripada Perniagaan Lim secara kredit
B Menjual rak pameran kepada Perniagaan Lim secara kredit
C Membeli rak pameran daripada Perniagaan Lim secara tunai
D Menjual rak pameran kepada Perniagaan Lim secara tunai

8 Lejar berikut diperoleh daripada buku perakaunan Pasar Mini Marina.

Akaun Kawalan Belum Bayar

2023		RM	2023		RM
Dis. 31	Bank	10 800	Jan. 1	Baki b/b	2 020
	Diskaun	500	Dis. 31	**W**	12 500
	Baki h/b	3 220			
		14 520			14 520

Apakah **W**?

A Angkutan keluar
B Pulangan belian
C Kontra
D Belian

21 Petikan Imbangan Duga berikut diperoleh daripada Ammar Enterprise.

Ammar Enterprise
Imbangan Duga pada 30 April 2024 (petikan)

	RM	RM
Kenderaan	50 800	
Belanja membaiki kenderaan		250

Maklumat tambahan:

i. Belanja membaiki kenderaan RM500 telah direkodkan dalam Akaun Kenderaan.

Berapakah nilai kenderaan yang dipindahkan ke Penyata Kedudukan Kewangan setelah pembetulan kesilapan dilakukan?

A RM50 050
B RM50 300
C RM51 050
D RM51 550

22 Maklumat berikut diambil daripada Firma Jaya dan Firma Hebat.

Jenis Nisbah	Firma Jaya	Firma Hebat
Nisbah semasa	2 : 1	3 : 1
Pulangan atas modal	20%	25%
Kadar pusing ganti inventori	8 kali	6 kali

Berdasarkan analisis nisbah di atas, pilih tafsiran yang betul.

A Pengurusan inventori Firma Hebat lebih cekap
B Keuntungan perniagaan Firma Jaya lebih tinggi
C Firma Hebat lebih sesuai dipilih untuk membuat pelaburan
D Firma Jaya tidak mampu untuk menjelaskan hutang perniagaan

NAMA ..... TINGKATAN .....

MODUL PINTAS 2024
TINGKATAN 5 3756/2

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

3756/2

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi* **dua** *bahagian*: **Bahagian A** *dan* **Bahagian B**.

2. *Jawab* **semua** *soalan di* **Bahagian A** *dan* **dua** *soalan daripada* **Bahagian B**.

3. *Tulis jawapan anda pada buku jawapan yang dibekalkan.*

4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*

5. *Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.*

6. **Tunjukkan kerja mengira**. *Ini membantu anda mendapatkan markah.*

7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

8. *Anda diingatkan untuk menulis Nombor Kad Pengenalan, Angka Giliran, Nama, Tingkatan dan Sekolah di* **Buku Jawapan** *dan helaian tambahan yang digunakan untuk menulis jawapan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 20 halaman bercetak.

2 Puan Mazihah menjalankan Perniagaan MZ di Bandar Sentosa, Selangor. Beliau tidak mengamalkan sistem catatan bergu dalam rekod perniagaan. Tempoh perakaunan berakhir pada setiap enam bulan. Baki aset dan liabiliti perniagaan pada 1 Januari 2024 adalah seperti berikut:

	RM
Premis	100 000
Alatan pejabat (kos)	5 000
Kenderaan (kos)	60 000
Akaun Belum Terima	4 785
Akaun Belum Bayar	3 093
Bank	5 115
Susut nilai terkumpul kenderaan	6 000
Susut nilai terkumpul alatan pejabat	500
Pinjaman	24 000
Inventori	2 860

Maklumat tambahan:

(i) Mesin pencetak RM600 dibeli untuk kegunaan perniagaan dengan menggunakan wang peribadi pemilik. Aset berkenaan dibeli pada 1 Februari 2024, namun belum direkodkan dalam mana-mana buku.

(ii) Pemilik telah mengambil barang niaga sebanyak RM100 pada bulan Mei untuk kegunaan keluarganya.

(iii) Diskaun diterima dengan cek sebanyak RM126 terlupa rekod.

(iv) Alatan pejabat disusutnilaikan sebanyak 10% setahun mengikut kaedah garis lurus manakala kenderaan disusutnilaikan sebanyak 20% setahun mengikut kaedah nilai buku.

(v) Peruntukan hutang ragu diwujudkan sebanyak 5%.

(vi) Pinjaman bank RM30 000 diperoleh pada 1 Januari 2023 dan tempoh bayaran balik selama 5 tahun. Kadar faedah pinjaman 5% setahun.

(vii) Faedah atas pinjaman belum bayar RM150.

(viii) Sewa premis bulanan RM600 belum diterima sejak 1 Januari 2024.

(ix) Berikut adalah senarai baki aset dan liabiliti pada 30 Jun 2024:

	RM
Premis	100 000
Alatan pejabat	?
Kenderaan	?
Bank	6 560
Akaun Belum Terima	3 760
Akaun Belum Bayar	3 149
Pinjaman	21 000
Inventori	2 580

Anda dikehendaki menyediakan:

(*a*) Penyata Mengira Modal Awal [5 *markah*]

(*b*) Penyata Mengira Untung Rugi [5 *markah*]

(*c*) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2024 [13 *markah*]

(*d*) Terangkan **dua** sebab rekod tak lengkap. [2 *markah*]

2 (a)

Perniagaan MZ
Penyata Mengira Modal Awal

Aset	RM	RM	
Premis		100 000	
Alatan pejabat (5 000 -500)		4 500	(1)
Kenderaan (60 000 - 6000)		54 000	(1)
Akaun Belum Terima		4 785	
Inventori		2 860	
Bank		5115	
		171 260	(1)
-Liabiliti			
Akaun Belum Bayar	3 093		
Pinjaman	24 000		
		27 093	(1)
Modal awal		144 167	(1)

[5 *markah*]

(b)

Perniagaan MZ
Penyata Mengira Untung Rugi

	RM	RM	
Modal akhir		145 564	(1)
+Ambilan		100	(1)
		145 664	
-Modal awal	144 167		(1of)
Modal tambahan	600		(1)
		144 767	
Untung bersih		897	(1+w)

[5 *markah*]

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Trial SPM

Prinsip Perakaunan (40+ set)

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- Folder Google Drive · Perakaunan 40+ set

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar